

ASEAN, rakan anggota pelihara kestabilan serantau

BERITA HARIAN 30 JUL 2025

Jakarta: Persetujuan gencatan senjata serta-merta dan tanpa syarat di antara Thailand dan Kemboja kelmarin, mencerminkan bukan sahaja kekuatan ASEAN untuk memanggil suatu mesyuarat, tetapi juga keterlibatan konstruktif rakan anggotanya dalam memelihara kestabilan serantau, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam ucapan dasar mengenai ASEAN yang disampaikan di Sekretariat ASEAN di sini semalam, Perdana Menteri yang juga Pengerusi ASEAN, berkata episod berkenaan menjadi pengesahan penting terhadap nilai yang telah lama membawa kemakmuran kepada rantau ini.

“Dengan terus menjunjung Piagam ASEAN dan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (TAC), kita boleh mengukuhkan hasil keamanan, sekali gus memastikan ASEAN kekal sebagai sebuah komuniti yang berpaksikan kepercayaan, kerjasama dan kemakmuran bersama untuk generasi akan datang,” katanya.

Setiausaha Agung ASEAN, Kao Kim Hourn, turut hadir pada majlis berkenaan.

Kelmarin, Anwar menjadi orang tengah dalam mencapai gencatan senjata serta-merta dan tanpa syarat di antara Thailand dan Kemboja, menerusi mesyuarat khas di Putrajaya, yang mendapat pujian antarabangsa dan menjadikan Malaysia tumpuan sejagat.

Amerika Syarikat merupakan penganjur bersama mesyuarat itu, manakala China

hadir sebagai pemerhati dengan hasrat menyokong penyelesaian aman terhadap ketegangan yang berlaku.

Menurut Anwar, episod berkenaan mengingatkan ASEAN bahawa sifat sabar, saling mempercayai dan diplomasi bertérusan yang memastikan keamanan rantau ini, adalah nilai yang sama memberi erti kepada kedudukan kepusatan dan perpaduan ASEAN masa kini.

“Saya secara konsisten menegaskan bahawa kepusatan, perpaduan dan autonomi ASEAN perlu kekal menjadi kompas dalam perjalanan kolektif kita ke hadapan.

“Namun, kita harus sedar bahawa etos ini bukan suatu hak, sebaliknya satu keistimewaan yang kita perlu bekerja keras mempertahankannya dalam peralihan dinamik serantau dan global. Dalam dunia yang berpecah-pecah, kepusatan dan perpaduan ASEAN lebih bermakna daripada sebelumnya,” katanya.

Anwar turut memuji Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet dan Pemangku Perdana Menteri Thailand, Phumtham Wechayachai, di atas kepimpinan mereka serta Presiden Amerika Syarikat Donald Trump dan kepimpinan China atas keterlibatan konstruktif masing-masing.

Menurutnya, kehadiran dan kerjasama semua pihak mengesahkan bahawa keamanan hanya dapat dicapai menerusi dialog, saling menghormati dan komitmen bersama terhadap kestabilan.

BERNAMA